

# Negara wajar ada teknik pengurusan trafik kapal

BH - 2 JUN 2000

PELABUHAN KLANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sebagai negara maritim, perlu mempunyai teknik serta mekanisme pengurusan trafik perkapalan dan pengawasan laut yang cekap.

Perdana Menteri berkata, ia penting bagi mengawasi dan bertindak segera mengenai sesuatu kejadian yang boleh menjejaskan kepentingan ekonomi negara.

Sistem pengawasan laut yang berkesan, katanya, begitu penting dalam suasana perdagangan semasa dan akan datang yang semakin mencabar serta berdaya saing.

Sistem pengawasan laut yang berkesan boleh mengurangkan risiko kemalangan dan pencemaran. Pada masa yang sama, ia meningkatkan kualiti dan produktiviti perairan.

"Dengan peningkatan kapal-kapal besar seperti 'post-Panamax vessel' dan kapal kargo generasi keempat dan kelima, yang dapat menggunakan hanya satu

pertiga daripada lebar Selat Melaka, pengendalian menjadi lebih sukar.

"Dengan bertambahnya kapal-kapal pengangkutan muatan berbahaya, pengurusan trafik secara pasif seperti dilaksanakan sebelum ini tidak lagi sesuai," katanya ketika melancarkan Sistem Pengawasan Laut (SKL) di ibu pejabat Jabatan Laut sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yakin SKL itu dapat membantu Malaysia meningkatkan pengawasannya serta bertindak lebih pantas terhadap sesuatu kejadian yang boleh menjejaskan kepentingan ekonomi negara.

Katanya, pembangunan sistem itu secara bersepadu dengan mengintegrasikan sistem radar di Pelabuhan Klang adalah suatu langkah yang bijak dan praktikal ke arah melengkapkan pelabuhan dengan sistem maklumat moden bagi meningkatkan pengurusan dan kualiti operasi pelabuhan.

Beliau berkata, pengwujudan sistem itu juga sela-

ras dengan keperluan dan ketetapan Konvensyen Undang-undang Laut 1982 dan bertepatan dengan resolusi Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi memelihara dan meningkatkan tahap keselamatan pelayaran serta mengurangkan risiko pencemaran.

Perdana Menteri berkata, pada peringkat awal, perairan Selat Melaka dikenal pasti untuk dibangunkan dengan sistem itu berikutan kedudukan strategiknya sebagai antara perairan tersibuk dunia seperti Selat Dover dan Gibraltar.

Dianggarkan lebih 600 kapal dagang termasuk kapal pengangkutan melebihi 200,000 dwt dan kapal penumpang menggunakan Selat Melaka setiap hari.

Lalu lintas perkapalan domestik antara pelabuhan tempatan dengan Singapura pula dianggarkan mencatat sehingga 5,000 pergerakan setiap bulan.

Katanya, keadaan semakin sesak terutama dengan peningkatan kegiatan perkapalan di antara pelabuhan

negara berpantai Selat Melaka seperti Semenanjung dan Sumatera, berikutan pembukaan operasi Pelabuhan LPG di Rupa, Sumatera.

Mengenai dasar kerajaan untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan tempatan bagi mengurangkan imbalan defisit dagangan negara, Dr Mahathir berkata, ia membuahkan hasil lumayan apabila Malaysia mencatat peningkatan lebih 23.8 peratus iaitu dari RM58.4 bilion pada 1998 kepada RM72.3 bilion tahun lalu.

Beliau yakin ia dapat meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran pelabuhan di negara ini secara menyeluruh dan menarik minat lebih banyak syarikat perkapalan untuk menggunakan pelabuhan tempatan.

"Perkembangan seumpama ini juga akan dapat membantu pihak Kerajaan mencapai matlamatnya untuk menjadikan pelabuhan Klang sebagai pusat serantau," katanya.